

04/02/1999

Pasaran kewangan sedunia perlu ada kawal selia

Azizi Othman in Davos, Switzerland

WEF 1999 di Davos yang tamat kelmarin (2 Februari) membawa satu lagi khabar kemenangan moral terhadap usaha Malaysia memperjuangkan betapa perlunya tata cara sistem kewangan dunia diperkemas bagi mengelak pihak tertentu bermaharajalela memusnahkan ekonomi negara kecil dan membangun. Jika sebelum ini, perkara itu pertama kali ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hong Kong pada September 1997 hanya dipandang remeh, ia kini mula mendapat tumpuan sejagat. Sokongan demi sokongan diterima dan hari ini, boleh dikatakan dunia mula mengakui rasional yang diperjuangkan oleh Malaysia.

Namun, cabaran yang dihadapi dalam menangani isu itu kini semakin besar. Di sebalik pengakuan dunia bahawa satu pakej kawal selia perlu diwujudkan, tiada siapa yang mengetahui secara jelas, apakah bentuknya, bagaimana ia boleh dilaksanakan serta apakah inti pati yang perlu terkandung di dalamnya bagi memastikan ia berkesan. Dalam pada itu, sebarang usaha menjayakannya juga pasti dibebani bantahan kuasa besar yang selama ini mewah mengaut keuntungan daripada kepincangan dalam tata cara sistem kewangan dunia itu.

Meneliti perkembangan berkenaan, seperkara yang jelas kelihatan ialah usaha merumus pakej ke arah itu perlu dihidupkan segera. Masyarakat kewangan antarabangsa tidak boleh berlengah kerana hari demi hari, badai kegawatan ekonomi semakin mengganas. Satu demi satu ekonomi tumbang dilandanya, seolah-olah spekulator mata wang dan pengurus dana lindung nilai semakin tahu bahawa masa untuk mereka bermaharajalela mengisi kantung sendiri dengan menekan negara kecil dan miskin, sudah semakin terhad.

Sebenarnya, secara individu, usaha mengekang 'kekuatan' spekulator ini sudah dimulakan oleh beberapa negara termasuk Malaysia yang menyuntik ubat kebal ke dalam ekonominya menerusi langkah kawalan modal pada September lalu. Begitu juga dengan beberapa negara lain. Ekonomi paling bebas di dunia - Hong Kong - tidak terkecuali. Turut mengambil langkah kawalan ialah China, Taiwan, Russia dan Chile.

Namun, apa yang jelas ialah usaha itu belum cukup untuk memastikan ekonomi dalaman mereka stabil dan membantu pemulihan semula ekonominya. Pengarah Institut Pembangunan Antarabangsa Universiti Harvard, Jeffrey D Sachs, berkata wujud satu keperluan mendesak dalam dunia hari ini supaya aliran modal sejagat dikenakan kawalan. Menurutnya, adalah penting satu usaha sejagat dilaksanakan untuk membantu mengawal implikasi pengaliran mendadak modal besar-besaran yang memusnahkan.

Tidak keterlaluan dikatakan sekarang ini pun masih wujud kebimbangan bahawa sedikit kestabilan yang dialami dunia mungkin hanya sementara saja jika melihat kepada episod kerapuhan sejagat seperti yang melanda Pengurusan Modal Jangka Panjang (LTCM), pergolakan di Brazil dan turunnai nilai tukaran dolar Amerika berbanding Yen. Perkembangan berhubung pakej penyelamat LTCM dan penutupan banyak dana lindung nilai menimbulkan bukti bahawa punca utama krisis Asia ialah kelemahan dalam sistem kewangan dunia, terutama dari segi disiplin pasaran.

Memang tiada siapa yang menafikan bahawa dunia kini sudah menjadi semakin makmur hasil daripada pembukaan dan pasaran kewangan yang bebas. Tetapi pada masa yang sama, tidak siapa boleh menafikan bahawa aliran modal yang berleluasa dan mendadak boleh memberi kesan keruntuhan yang parah walaupun kepada ekonomi kecil yang diuruskan dengan baik.

Hakikatnya, jika pasaran dibenarkan menentukan hala tuju mereka sendiri, kuasa pasaran boleh memberi lebih banyak keburukan berbanding kebaikan.

Dalam konteks inilah, empat unsur asas diketengahkan oleh Dr Mahathir sebagai teras kepada pakej kawal selia industri kewangan sejagat, ketika di WEF baru-baru ini, perlu mendapat perhatian serius masyarakat kewangan antarabangsa yang komited terhadap usaha mewujudkan dunia yang lebih baik. Walaupun Dr Mahathir tidak menyatakan bahawa empat faktor itu cukup untuk mengatasi permasalahan semasa, yang jelas kepada kita ialah ia perlu menjadi tulang belakang kepada apa saja pendekatan yang akan diambil pada masa depan.

Empat aspek utama itu ialah ketelusan, undang-undang, pendaftaran dan had pengaliran wang. Meneliti satu persatu unsur itu, nyata bahawa semuanya mempunyai kekuatan kerana ketika ini, kurangnya penekanan dalam setiap aspek itu adalah punca utama dunia terjerumus ke dalam kancah kegawatan yang tiada siapa boleh mencari penyelesaiannya.

Menganalisis secara terperinci aspek pertama yang diketengahkan iaitu ketelusan, kita dapat melihat bahawa dagangan mata wang sejagat hari ini memang tidak diketahui hujung pangkalnya. Dengan itu, usaha menyemai bibit ketelusan dalam industri berkenaan boleh dibuat dengan membentuk satu pendekatan seimbang ke arahnya, dari kedua-dua pihak iaitu sektor awam dan swasta.

Sebagai contoh, kerajaan semua negara perlu dengan segera mewujudkan satu tata kerja perkongsian maklumat secara lebih rutin di kalangan institusi kewangan pusat dengan pihak berkuasa antarabangsa.

Unsur kedua, iaitu perundangan pula perlu dilihat daripada persepektif keperluan mewujudkan sebuah institusi kawal selia sejagat untuk memastikan kestabilan dan keseimbangan dalam pasaran kewangan sedunia. Pada masa yang sama, institusi perundangan terbabit perlu juga mengawasi aliran dana jangka pendek, kerana pendedahan ketelusan saja tidak memberi jaminan ia dapat menyekat kerapuhan aliran dana yang memusnahkan.

Rasional penubuhan institusi ini sebenarnya mudah iaitu ia sama seperti pihak berkuasa kewangan dan pasaran modal yang kini ada di setiap negara. Oleh kerana matlamat penubuhannya ialah untuk memastikan kestabilan pasaran dan bukannya campur tangan dalam pasaran, tiada peruntukan khusus yang diperlukan.

Unsur ketiga, iaitu pendaftaran pula sebenarnya amat diperlukan bagi memastikan kegiatan manipulasi rentas sempadan oleh dana lindung nilai dan peniaga mata wang dapat dibendung dengan berkesan. Seperti mana yang ditunjukkan oleh perkembangan akhir-akhir ini, spekulator mata wang dengan bebas memanipulasi pasaran kewangan di negara yang kecil tanpa dapat 'dihidui' mana-mana pihak.

Oleh itu, wujud satu keperluan supaya satu syarat khusus dikenakan kepada mereka dalam usaha memastikan dunia mengetahui bagaimana sesuatu dana itu dikendalikan, pasarannya ditentukan dan peniagaanya mempunyai tanggungjawab. Tanpa pendaftaran, adalah mustahil sebarang undang-undang dapat dikuatkuasakan.

Sementara itu, unsur terakhir yang dicadangkan oleh Dr Mahathir dalam merumus pakej terbabit ialah mengenakan had pengaliran wang kepada jumlah modal yang boleh dipinjam oleh dana lindung nilai bagi membiayai operasi mereka. Ini sebenarnya merujuk kepada keperluan mengenakan syarat piawaian berhemat di kalangan institusi kewangan dan bank komersil sejagat, terutamanya yang memberi pinjaman kepada dana lindung nilai.

Dalam konteks ini, usaha negara Kumpulan Tujuh (G-7) untuk meneliti implikasi yang disebabkan oleh institusi kewangan antarabangsa yang mempunyai kemampuan yang besar, perlu disegerakan kerana ia akan memberi input berguna kepada negara maju berhubung isu ini.

Kewibawaan empat asas yang dikemukakan Perdana Menteri itu sudah

terbukti apabila Menteri Kewangan Britain, Gordon Brown di WEF 1999 menyarankan supaya sebuah jawatan kuasa diwujudkan untuk membantu mewujudkan kestabilan di pasaran kewangan.

Kenyataan Brown bahawa satu sistem kawal selia pasaran kewangan sejagat perlu diwujudkan sebelum pertengahan tahun ini, membuktikan bahawa sokongan yang diterima Dr Mahathir kini semakin menyeluruh. Kawal selia dalam pasaran modal sedunia memang boleh menjurus kepada pembentukan satu persekitaran risiko rendah dan menghalang pelbagai kemusnahan yang boleh disebabkan oleh aliran modal secara bebas.

Dalam mencari penyelesaian kepada kemelut ekonomi dunia ini, semua pihak sebenarnya sudah kesuntukan masa. Masyarakat kewangan antarabangsa perlu bertindak segera untuk menterjemahkan apa saja saranan untuk reformasi sistem kewangan dunia, terutama seperti yang dibentangkan oleh Dr Mahathir itu kepada tindakan dan keputusan. Sebagai langkah sulung, sebuah institusi antarabangsa berkecuali perlu diberi mandat mereka bentuk dan melaksanakan saranan terbabit dengan penyertaan kedua-dua sektor awam serta swasta.

Demi kepentingan sejagat, semua pihak kini perlu mengorak langkah menggembleng tenaga untuk bekerjasama dan berusaha dengan cepat bagi mencapai matlamat memperkukuhkan tata cara sistem kewangan dunia supaya sebarang kesan kemusnahan seperti yang dilihat hari ini, dapat dielakkan pada masa depan. Kita yakin kawal selia pasaran kewangan sedunia, terutama aliran modal jangka pendek adalah amat penting dalam usaha mengembalikan benih `kewarasan' dan keutuhan kembali bertunas pada masa depan.

(END)